

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 2 OGOS 2017

RUJUKAN : 10013

SOALAN:

PR-1352-L02063

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- a) apakah usaha pihak polis untuk menangani kes-kes rompak di Seremban dan Nilai yang semakin meningkat; dan
- b) statistik Jenayah di Seremban dan Nilai sejak tahun 2013 - 2017 berdasarkan jenis jenayah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah dan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) termasuk '*Blue Ocean Policing*' untuk memerangi jenayah secara holistik seperti berikut:

- i) melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC) bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah;
- ii) Program *Go-To-Safety Points* melibatkan kerjasama antara pihak berkuasa dengan pihak swasta seperti *7-Eleven*, Pos Malaysia Bhd., Stesen Minyak Petron dan Shell dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah;
- iii) Program "*Community Policing*" dengan menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat seperti mengadakan pameran, hari bersama pelanggan, ceramah, dialog, lawatan ke sekolah-sekolah dan sebagainya;

- iv) pelaksanaan Konsep Tangan Bersalaman melalui Jawatankuasa Penduduk bagi membantu menangani isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Ahli-ahli Jawatankuasa diberi kursus ringkas mengenai cara-cara mencegah jenayah dan cara-cara untuk menyampaikan maklumat;
- v) mewujudkan Unit Rondan Bermotosikal (URB) untuk bertindak dengan cepat sekiranya terdapat kejadian jenayah dan berperanan melaksanakan *Stop and Talk* dengan masyarakat bagi memperoleh maklumat;
- vi) Inisiatif *Whitening Black Spot* oleh PDRM bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan meningkatkan pencahayaan pada waktu malam di kawasan yang berisiko berlaku jenayah, membina rel pengadang di laluan pejalan kaki, memasang cermin keselamatan, memasang CCTV di tempat tertentu dan sebagainya; dan
- vii) penglibatan agensi lain seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mewujudkan "Zon Komuniti Selamat" supaya masyarakat merasa selesa dan selamat.